



SULIT

Bilangan Kami :

JPPPW/LIC/2200/06

18 Disember 2017

Ketua Pegawai Eksekutif
Pemegang Lesen Perniagaan Perkhidmatan Wang

Tuan/Puan,

Penilaian Tadbir Urus Korporat, Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

Bank Negara Malaysia (Bank) ingin mengingatkan pemegang-pemegang lesen akan tanggungjawabnya untuk memastikan syarikat diurus dengan baik dan efektif serta sentiasa mematuhi keperluan-keperluan yang termaktub dalam Akta Perkhidmatan Perniagaan Wang 2011, Peraturan-Peraturan (*Regulations*), Garis Panduan dan Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank. Antara lain, Bank ingin menarik perhatian Lembaga Pengarah berkenaan tanggungjawab mereka berkaitan perkara-perkara berikut:

- (i) Memastikan syarikat mempunyai struktur tadbir urus yang teguh, pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang sepadan dengan saiz, kompleksiti dan tahap risiko operasinya bagi menjamin kawalan dalaman dan pemantauan operasi keseluruhan syarikat yang efektif; dan
- (ii) Memastikan kekerapan penilaian pematuhan (untuk semua pemegang lesen) dan audit dalaman (untuk pemegang lesen bersaiz besar, iaitu syarikat yang mencatatkan jumlah transaksi melebihi RM100 juta setahun) adalah bersesuaian dengan tahap risiko operasinya dan disokong oleh tenaga kerja berkaitan pematuhan dan audit dalaman yang cukup dan kompeten.

2. Sehubungan ini, Bank mengkehendaki setiap pemegang lesen untuk mengemukakan sesalinan laporan berkala (sekurang-kurangnya pada setiap setengah tahun) berkenaan penilaian pematuhan dan audit dalaman terhadap tahap pematuhan syarikat masing-masing selaras dengan keperluan-keperluan yang digariskan dalam Garis Panduan Keperluan Tadbir Urus dan Operasi bagi Menjalankan Aktiviti Perniagaan Perkhidmatan Wang [BNM/RH/GL022-2] dan Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang [BNM/RH/GL022-3]. Laporan berkala ini harus meliputi sekurang-kurangnya perkara-perkara yang termaktub dalam **Lampiran**. Untuk makluman, jadual pengemukaan laporan berkala adalah seperti berikut:

Tempoh Penilaian Pematuhan dan Audit Dalaman	Tarikh Akhir Pengemukaan Laporan Berkala
1 Julai - 31 Disember	31 Januari Setiap Tahun
1 Januari - 30 Jun	31 Julai Setiap Tahun

3. Laporan berkala ini akan digunakan oleh Bank untuk menilai tahap keupayaan Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, tenaga kerja berkaitan pematuhan dan audit dalaman, mengenal pasti isu-isu berbangkit, ketidakpatuhan yang dihadapi oleh pemegang lesen dan mengekalkan profil risiko terkini semua pemegang lesen. Profil risiko ini juga akan digunakan untuk menyumbang kepada penyeliaan berasaskan risiko yang lebih berkesan dan pemprosesan permohonan yang lebih cekap.

4. Pengemukaan laporan di atas akan bermula dengan setengah tahun berakhir 31 Disember 2017. Semua pemegang lesen perlu menyerahkan laporan penilaian pematuhan (untuk semua pemegang lesen) dan audit dalaman (untuk pemegang lesen bersaiz besar) pertama sebelum 31 Januari 2018. Laporan pertama ini perlu meliputi semua laporan penilaian pematuhan dan audit dalaman yang telah dibincang dan dipersetujui oleh Lembaga Pengarah bagi tempoh dari 1 Julai 2017 hingga 31 Disember 2017. Bagi pemegang lesen yang mencatatkan jumlah transaksi yang melebihi RM500 juta setahun, syarikat perlu mengemukakan laporan berkala yang lebih kerap seperti setiap suku tahunan selaras dengan kemampuan dan keupayaan syarikat yang lebih tinggi dalam tadbir urus korporat, pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

5. Untuk makluman semua, Bank telah mula mengenakan keperluan pelaporan di atas pada awal tahun ini kepada sebahagian besar pemegang-pemegang lesen ketika pembaharuan lesen dan juga kelulusan pengembangan perniagaan. Bank berharap usaha ini akan dapat mempertingkatkan usaha dan budaya pematuhan yang lebih kukuh serta mampu menyumbang kepada industri perniagaan perkhidmatan wang yang lebih bertanggungjawab, profesional dan progresif.

Sekian.

Lampiran

Lembaga Pengarah dikehendaki memastikan skop yang dirancang untuk penilaian pematuhan dan audit dalaman ke atas ibu pejabat dan pejabat-pejabat cawangan adalah komprehensif dan meliputi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:

- Penilaian kecukupan dan keberkesanan struktur organisasi yang sedia ada di dalam memantau dan mengawal selia operasi syarikat perlu merangkumi keutuhan sistem pengimbang balas (*checks and balances*);
- Semakan yang menyeluruh terhadap proses-proses kerja (*work processes*), termasuk kecukupan polisi dan prosedur operasi standard dalaman yang sedia ada di ibu pejabat dan cawangan dikehendaki memenuhi keperluan undang-undang, termasuk peruntukan APPW, peraturan-peraturan (*Regulations*), garis panduan, surat pekeliling, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dan Dokumen Dasar (*Policy Document*) mengenai Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembanterasannya Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) – Perniagaan Perkhidmatan Wang (Sektor 3).
- Tahap pematuhan terhadap kuasa budi bicara (*discretionary powers*) yang dibenarkan oleh kakitangan ibu pejabat dan cawangan di dalam menjalankan operasi syarikat.
- Penilaian ke atas keutuhan pelaporan berkaitan operasi ibu pejabat dan cawangan perlu merangkumi laporan ketidakpatuhan (*exception report*) terhadap polisi dan prosedur operasi standard syarikat serta keperluan undang-undang daripada pihak pengurusan kepada Lembaga Pengarah.
- Semakan juga perlu dijalankan ke atas sistem teknologi maklumat supaya ia selari dengan saiz perniagaan masa kini dan keperluan pengembangan perniagaan pada masa hadapan.

Sumber Manusia

- Penilaian ke atas kecukupan jumlah kakitangan, kemahiran dan kompetensi (*skill and competency*) kakitangan serta keberkesanan skim latihan untuk mereka yang terlibat di dalam operasi ibu pejabat dan cawangan.

Pengurusan Risiko dan Sistem Kawalan Dalaman

- Penilaian penyelenggaraan rekod, sistem maklumat pengurusan dan amalan perakaunan.
- Kawalan akses terhadap maklumat penting dan rekod pemegang lesen.
- Pengendalian CCTV di lokasi-lokasi strategik.
- Keutuhan pelan kesinambungan perniagaan.